

(2) Perbelanjaan dan pampasan mengenai mana-mana harta takalih yang diperolehi di bawah seksyen ini hendaklah dibayar oleh Lembaga.

(3) Apabila apa-apa harta taklih telah diperolehi di bawah seksyen ini, Lembaga hendaklah mengambil cabutan dokumen hakmilik yang perlu mengenai harta itu dan hendaklah membayar apa-apa sewa yang mungkin di kenakan atas harta itu.

#### BAHAGIAN VI

#### AM

**Pengecualian daripada duti setem 59/49**

**30.** Lembaga hendaklah dikecualikan daripada membayar duti setem di bawah Ordinan 1949.

**Tanggungjawab menyimpan rahsia**

**31.** (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa pembicaraan jenayah di bawah Akta ini, tiada seorang ahli, pegawai atau penjawat Lembaga boleh menyatakan apa-apa maklumat yang telah diperolehinya semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya dan yang tidak di siarkan menurut Akta ini.

(2) Seseorang yang melanggar peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu atau kedua-duanya.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**32.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang bermanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta inidengan cara lebih baik.

(2) Tanpa menyentuh keluasan seksyen-kecil(1), peraturan-peraturan di bawah seksyen-kecil itu boleh dibuat bagi -

- (a) Menetapkan cara bagaimana dokumen, cek dan suratcara dari apa-apa jenis akan ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga;
- (b) Menetapkan tanggungjawab dan kawalan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga;
- (c) Mengenakan bayaran dalam hal-hal yang ditentukan oleh lembaga;

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN 19

- (d) mengadakan peruntukan mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan syer, saham, bon, dibentur atau saham dibentur yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang pada pendapat Lembaga adalah perlu atau bermenafaat, dan khususnya, bagi mengadakan peraturan mengenai cara mengeluarkan, memindahmilik, menebus atau lain-lain urusan mengenali syer, saham, bon, dibentur atau saham dibentur itu;
- (e) menetapkan cara dan syarat-syarat bagi pinjaman yang diberi oleh Lembaga di bawah seksyen 27; dan
- (f) mengadakan peruntukan secara am mengenai perjalanan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Lembaga di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan itu boleh-

- (a) menetapkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar mana-mana peruntukannya adalah menjadi suatu kesalahan; dan
- (b) mengadakan peruntukan bagi mengenakan penalty kerana kesalahan-kesalahan itu, dan penalty-penalti itu tidak boleh lebih daripada satu ribu ringgit.

33. Segala perkara yang dilakukan oleh seseorang atau mana-mana pihakberkuasa bagi pihak Lembaga pada dan mengi menyediakan pelaksanaan yang wajarnya akan mana-mana peruntukan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung denganya dengan menjangka Akta ini akan dimasyhurkan hendaklah disifatkan sebagai telah dibenarkan oleh Akta ini, dan segala hak dan tanggungan yang diperolehi atau dilakukan bagi pihak Lembaga dari apa-apa perkara yang dilakukan sedemikian atau apa-apa perbelanjaan yang dilakukan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai hak dan tanggungan Lembaga apabila sahaja Akta ini mula berkuatkuasa.

**Perkara-perkara yang dilakukan dengan menjangka Akta ini akan dimasyhurkan.**

**JADUAL PERTAMA**  
**(Seksyen 5 (2))**

1. (1) Seseorang ahli Lembaga hendaklah memegang jawatan selama sesuatu tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam suratcara perlantikannya.  
(2) Perlantikan seseorang ahli boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberi apa-apa sebab.  
(3) Seseorang ahli boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Menteri.

**Had-had dan syarat-syarat perlantikan, pembatalan dan perletakan jawatan.**